

AL-TURATH: JOURNAL OF AL-QURAN AND AL-SUNNAH

VOLUME 10 ISSUE 2 2025

E-ISSN 0128-0899



INDEXED BY MYCITE

HOME PAGE: <https://www.ukm.my/turath/>

Copyright Information:

This article is open access and is distributed under the terms of Creative Commons Attribution 4.0 International License.

Publisher Information:

Research Centre for al-Quran and al-Sunnah
Faculty of Islamic Studies
The National University of Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: +60 3 8921 4405 | Fax: +60 3 8921 3017
Email: alturathjournal@gmail.com

Journal QR Code :



PEMBENTUKAN JATI DIRI DAN SAHSIAH PELAJAR: ANALISIS TERHADAP PENGAJARAN KISAH NABI MUSA AS DALAM SURAH AL-KAHFI

**Development of Students' Identity and Character: An Analysis of Lessons
from the Story of Prophet Musa AS in Surah al-Kahf**

Ahmad Azizi Madzlan^{*1} & Wan Nasyrudin Wan Abdullah¹

¹Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Malaysia

*Corresponding author: azizimdzln00@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.17576/turath-2025-1002-01>

Article history

Received: 19/09/2025

Revised: 22/11/2025

Accepted: 30/11/2025

Published: 30/12/2025

Abstrak

Al-Quran diturunkan sebagai petunjuk dan hidayah kepada manusia dalam semua aspek kehidupan. Ia turut merakamkan pelbagai kisah yang sarat dengan nilai pengajaran serta panduan hidup. Antara kisah tersebut ialah peristiwa Nabi Musa AS bersama Nabi Khidir dalam Surah al-Kahfi ayat 60–82, yang boleh dijadikan panduan penting dalam pembentukan jati diri dan sahsiah penuntut ilmu. Pengajaran ini wajar diketengahkan, khususnya dalam konteks masyarakat masa kini yang berdepan dengan kemerosotan sahsiah pelajar, sebagaimana terbukti melalui pelbagai masalah akhlak dan isu disiplin yang sering dipaparkan di media cetak, televisyen dan media sosial. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menganalisis pengajaran daripada kisah Nabi Musa AS dalam Surah al-Kahfi sebagai panduan pembentukan jati diri dan sahsiah pelajar. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Data dikumpulkan daripada al-Quran, hadis dan kitab-kitab tafsir serta disokong oleh artikel ilmiah. Data dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik bagi mengenal pasti aspek pengajaran melalui kisah Nabi Musa AS. Hasil kajian mendapati terdapat enam pengajaran utama yang boleh diterapkan dalam diri pelajar, iaitu berhijrah dalam menuntut ilmu, memiliki tekad dan keazaman yang tinggi, bersikap ikhlas dan taat, menanam sifat sabar, mengamalkan tawaduk, serta mengekalkan kestabilan emosi dan tenaga.

Kata Kunci: Jati diri, Sahsiah, Pelajar, Nabi Musa AS, Nabi Khidir AS



Abstract

The Quran was revealed as guidance and direction for humankind in all aspects of life. It also records numerous narratives imbued with moral lessons and practical guidance. Among these narratives is the account of Prophet Musa AS and Prophet Khidr as presented in Surah al-Kahf, verses 60–82, which serves as an important source of insight for shaping the character and moral identity of knowledge seekers. These lessons are particularly relevant in the context of contemporary society, which is facing a decline in student character formation, as evident in the various moral and disciplinary issues frequently highlighted in print media, television, and social media. Accordingly, this study aims to analyse the lessons derived from the story of Prophet Musa AS in Surah al-Kahf as guidance for the development of students' character and personal integrity. This study adopts a qualitative approach. Data were collected from the Quran, hadith, and classical tafsir works, supported by scholarly articles. The data were analysed using a thematic analysis approach to identify the pedagogical elements conveyed through the story of Prophet Musa AS. The findings indicate six key lessons that can be instilled in students: undertaking a journey in the pursuit of knowledge, possessing strong determination and resolve, practising sincerity and obedience, cultivating patience, embodying humility, and maintaining emotional and physical stability.

Keywords: Identity development, Character, Students, Prophet Musa AS, Prophet Khidir AS

PENGENALAN

Al-Quran sumber kehidupan buat manusia sebagai petunjuk dalam menelusuri kehidupan. Terdapat seribu ayat iaitu suku bahagian daripada keseluruhan ayat al-Quran memaparkan pelbagai kisah-kisah yang boleh dijadikan iktibar. Demikian, pastinya terdapat banyak perkara penting yang perlu diamati, dihayati dan ditadabbur agar dijadikan panduan supaya dapat mengambil pengajaran daripada kisah yang diceritakan dalam al-Quran. Hal ini kerana dalam al-Quran itu adalah kisah-kisah yang terbaik untuk dijadikan pedoman dan pengajaran. Firman Allah:

نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ أَحْسَنَ الْقَصَصِ بِمَا أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ هَٰذَا الْقُرْآنَ وَإِنْ كُنْتَ مِنْ قَبْلِهِ لَمِنَ الْغَافِلِينَ

Maksudnya: Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad) seindah-indah kisah dengan jalan Kami wahyukan kepadamu Al-Quran ini, padahal sebenarnya engkau sebelum datangnya wahyu itu, adalah dari orang-orang yang tidak pernah menyedari akan halnya. (Al-Quran, Surah al-Yusuf 12:3)

Justeru, artikel ini membincangkan kisah Nabi Musa dengan Nabi Khidir dalam Surah al-Kahfi bermula daripada ayat 60 sehingga ayat 82. Kisah ini adalah sebahagian daripada empat kisah yang diceritakan dalam Surah al-Kahfi. Menariknya, empat kisah ini tidak berulang pada surah-surah yang lain. Hal ini menggambarkan keistimewaan dan sesuatu hikmah di sebalik empat kisah ini yang bergabung dan saling berkaitan antara satu sama lain dalam membina jati diri seorang mukmin pada akhir zaman. Sehubungan dengan itu, kajian ini membincangkan satu kisah daripadanya iaitu kisah Nabi Musa dan Nabi Khidir yang mengisahkan tentang menuntut ilmu dengan akhlak yang tulus. Hal ini kerana mutakhir ini, Malaysia berhadapan dengan ujian getir di mana akhlak dan sahsiah pelajar di bangku sekolah amat merisaukan. Menurut laporan akhbar yang dikeluarkan oleh Berita Harian (2023) golongan pendidik kini berdepan cabaran lebih besar kerana perlu berdepan kerenah murid di dalam dan luar sekolah. Situasi itu diburukkan apabila sikap tidak menghormati guru dalam kalangan murid seolah-olah menjadi kebiasaan ketika ini, sekali gus berisiko menghakis jati murid dan menghilangkan keberkatan ilmu yang dituntut. Begitu juga akhbar Harian Metro (2021) melaporkan bahawa terdapat pelajar yang berani

mengherdik, melawan arahan dan mengkhianati gurunya dek kerana emosi serta dendam yang tersimpan.

Oleh demikian, permasalahan tentang perkara ini perlu ditangani segera berdasarkan panduan wahyu yang sentiasa memberikan petunjuk dan solusi kepada setiap permasalahan umat manusia. Justeru, kisah Nabi Musa ini dapat dijadikan teladan dalam membentuk akhlak, jati diri dan nilai murni yang perlu diterapkan dalam peribadi murid-murid di sekolah mahupun di peringkat universiti.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan analisis kandungan secara tematik. Pengumpulan data dilakukan dengan meneliti ayat-ayat al-Quran dalam Surah al-Kahfi yang berkaitan dengan kisah Nabi Musa AS, diikuti dengan hadis Nabi SAW serta tafsiran ulama terhadap ayat berkenaan yang dirujuk daripada kitab-kitab hadis dan tafsir. Data sokongan turut diperoleh daripada jurnal ilmiah, tesis, buku dan sumber lain yang relevan (Knopf, 2006). Seterusnya, data dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik bagi mengenal pasti nilai keazaman yang terkandung dalam kisah Nabi Musa AS dan Nabi Khidir AS. Penggunaan analisis kandungan bertujuan mendalami tema dan konsep tertentu untuk mengenal pasti kaedah atau pendekatan khusus (Bengtsson, 2016). Melalui analisis kualitatif secara tematik, kajian ini membolehkan pemahaman yang lebih menyeluruh dan mendalam terhadap topik yang dikaji.

Skop kajian ini menumpukan kepada kisah Nabi Musa AS dalam Surah al-Kahfi dengan meneliti hubungan antara pembentukan sahsiah pelajar dan adab bersama guru. Jadual 1 menyenaraikan ayat-ayat al-Quran yang dijadikan sebagai subjek kajian:

Jadual 1: Senarai Ayat al-Quran Sebagai Subjek Kajian

Bil	Surah	No ayat	Ayat al-Quran
1	Al-Kahfi	60	وَإِذْ قَالَ مُوسَى لِقَوْمِهِ إِنَّ اللَّهَ لَأَرْسِلَ حَاشِيَ الْبَحْرِينِ أَوْ أَمْضِي حُمْبٍ ۖ
2	Al-Kahfi	66	قَالَ لَهُ مُوسَى هَلْ أَتَيْكَ عَلَىٰ أَنْ تُعَلِّمَ بِمَا عَلَّمْتَ رَسُولًا ۖ
3	Al-Kahfi	67	قَالَ إِنَّكَ لَنْ تَسْتَطِيعَ مَعِيَ صَبْرًا ۖ
4	Al-Kahfi	82	وَأَمَّا الْجِدَارُ فَكَانَ لِغُلَامَيْنِ يَتِيمَيْنِ فِي الْمَدِينَةِ وَكَانَ تَحْتَهُ كَنْزٌ لَهُمَا وَكَانَ أَبُوهُمَا صَالِحًا ۖ فَأَرَادَ رَبُّكَ أَنْ يَبْلُغَا أَشُدَّهُمَا وَيَسَخِّرَ لَهُمَا رَحْمَةً ۖ مِنْ رَبِّكَ ۖ وَمَلَفَعْنَاهُ عَنْ أَمْرِ ۖ ذَلِكَ ۖ وَيْلٌ لِمَنْ لَمْ يَسْطِعْ عَلَيْهِ صَبْرًا ۖ
5	Al-Kahfi	62	فَلَمَّا جَاوَزَا قَالَ لِقَوْمِهِ إِذْ بَيْنَا عَدَاوَةٌ لَقِينَا مِنْ سَفَرٍ هَذَا نَصَبٍ ۖ
6	Al-Kahfi	63	قَالَ أَرَأَيْتَ إِذْ لَوَيْنَا إِلَى الصَّخْرَةِ فَإِنِّي نَسِيتُ الْخُوتَ وَمَا أَنْسَيْنَاهُ إِلَّا الشَّيْطَانُ أَنْ أَذْكُرَهُ ۖ وَاتَّخَذَ سَبِيلَهُ فِي الْبَحْرِ عَجَبًا ۖ

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kisah Nabi Musa AS dirakamkan dalam Surah al-Kahfi mempunyai keterkaitan yang dekat dengan pelbagai ujian yang dihadapi umat Islam pada masa kini. Pasti sarat dengan pengajaran dan ibrah daripadanya khususnya berkaitan tema ilmu. Oleh demikian, kisah ini memaparkan pengajaran penting bagi seorang penuntut ilmu khususnya para pelajar supaya dijadikan teladan dan pegangan dalam usaha menimba ilmu serta mencapai kecemerlangan.

Terdapat pelbagai pengajaran yang dapat diambil daripada kisah Nabi Musa AS dalam surah ini. Antara pengajaran utama daripada kisah ini adalah:

Berhijrah dalam menuntut ilmu

Nabi Musa menunaikan perintah Allah untuk berhijrah menuntut ilmu dan pengalaman di *majma' al-bahrain* iaitu pertemuan dua laut, sebagaimana sabda baginda Nabi SAW:

إِنَّ مُوسَى قَامَ خَطِيبًا فِي بَنِي إِسْرَائِيلَ، فَسُئِلَ أَيُّ النَّاسِ أَعْلَمُ؟ فَقَالَ: أَ مَفْعَتَبٍ أَعْلَمُ عَلَيْهِ إِذْ لَمْ يَرِدْ الْعِلْمُ إِلَيْهِ. فَأَوْحَى إِلَيْهِ أَنَّ لِي عَبْدًا بِمَجْمَعِ الْبَحْرَيْنِ، هُوَ أَعْلَمُ مِنْكَ

Maksudnya: Pada suatu ketika Nabi Musa menyampaikan khutbah di hadapan Bani Isra'il. Dia lalu ditanya, "Siapakah manusia yang paling berilmu?" Nabi Musa menjawab, "Saya." Allah menegur Nabi Musa kerana tidak mengembalikan ilmu itu kepada-Nya. Allah kemudian menurunkan wahyu kepada Nabi Musa, "Sesungguhnya Aku memiliki seorang hamba yang berada di pertemuan dua laut. Dia lebih berilmu dari dirimu."

Kemudian, Nabi Musa AS pun menyahut perintah Allah untuk berhijrah sehingga sampai tempat yang disebutkan iaitu pertemuan dua laut. Firman Allah:

وَإِذْ قَالَ مُوسَى لِفَتَاهُ لَا لِتَرْجُ حَتَّىٰ تَلْبُغَ مَجْمَعَ الْبَحْرَيْنِ أَوْ أَمْضِيَ حُقُبًا

Maksudnya: Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Nabi Musa berkata kepada temannya: "Aku tidak akan berhenti berjalan sehingga aku sampai di tempat pertemuan dua laut itu atau aku berjalan terus bertahun-tahun" (Al-Quran, Surah al-Kahfi 18:60).

Menurut al-Sa'di (2000), Nabi Musa AS akan tetap menempuh perjalanan tersebut meskipun jarak semakin jauh dan kesulitan menghampirinya, hingga mencapai tempat pertemuan dua belah lautan. Kata Umar al-Muqbil (2014), apa yang dimaksudkan Nabi Musa adalah bersusah payah melakukan perjalanan panjang dengan kesabaran yang tinggi untuk menuntut ilmu. Penghijrahan dalam menuntut ilmu sudah menjadi tradisi buat para nabi dan ulama. Oleh demikian, pelajar seharusnya berani untuk mengorak langkah berhijrah meninggalkan keluarga di kampung halaman untuk mempelajari ilmu di kota ataupun bandar hingga akhirnya mampu memberi sumbangan dan manfaat buat keluarga, masyarakat dan agama. Sebagaimana sabda Nabi SAW:

خَيْرُ النَّاسِ لِنَفْعِهِمْ لِلنَّاسِ

Maksudnya: "Sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat bagi manusia" [Ibn Hibban (1976), *Al-Majruhin min al-Muhaddithin wa al-Dhu'afa' wa al-Dhu'afa'*. Hadis Hasan]

Penghijrahan tidak terhenti pada makna penghijrahan fizikal iaitu dari satu tempat kepada tempat yang lain, namun ia juga membawa makna penghijrahan rohani kerana hasil daripada ilmu yang bermanfaat adalah membina takwa dalam diri. Hal ini sejajar sepertimana yang dinyatakan Mohd Nur Hidayat (2019), penghijrahan dalam Islam bukan sahaja berbentuk lahiriah iaitu perpindahan fizikal dari satu negara ke negara yang lain, namun disertai dengan perpindahan batiniah iaitu dilakukan kerana Allah SWT dan rasul-Nya serta beralih daripada sifat-sifat tercela kepada sifat-sifat terpuji. Sehubungan dengan itu, penghijrahan dalam menuntut ilmu bukanlah suatu perkara yang mudah, bahkan pasti ada ujian dan cabaran yang perlu ditempuhi. Demikian pengajaran yang dibawa seterusnya ini penting dalam penghijrahan menuntut ilmu.

Tekad dan keazaman yang tinggi

Pengajaran lain yang dapat diambil daripada kisah penghijrahan Nabi Musa ini dapat dilihat pada tekad yang teguh dan keazaman yang tinggi dalam mencari ilmu. Perkara ini jelas pada ucapannya, firman Allah:

وإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِفَتَاهُ لَا لِابْنِ جِثٍّ ۖ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ ۚ أَخَذْتُ الرُّجُومَ فَأَنذَرْتُكُمْ ۚ لَئِنْ لَمْ يَنْصُرُوا بَيْنَنَا وَبَيْنَ الْكُفَّارِ ۖ لَآتِيَنَّكُم بِسُحُورٍ مِّنْهُنَّ أَوْ أَتَاكُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ ۚ

Maksudnya: Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Nabi Musa berkata kepada temannya: "Aku tidak akan berhenti berjalan sehingga aku sampai di tempat pertemuan dua laut itu atau aku berjalan terus bertahun-tahun". (Al-Quran, Surah al-Kahfi 18:60)

Lafaz dan ungkapan "Aku tidak akan berhenti berjalan" secara jelas menunjukkan keazaman dan motivasi yang tinggi untuk terus berusaha sehingga dapat berjumpa dengan Nabi Khidir walau berapa jauh pun jarak yang perlu ditempuh. Hal ini dapat dilihat pada tafsiran al-Alūsi dalam kitabnya, *Ruh al-Ma'ani*:

"Aku akan terus berjalan dalam apa jua keadaan sehingga aku sampai, kecuali jika aku meneruskan perjalanan untuk suatu tempoh yang pasti menyebabkan aku terlepas pertemuan itu." (Alusi 1994).

Tafsiran ini menggambarkan keazaman Nabi Musa AS untuk mencapai tujuannya, walaupun menghadapi cabaran atau ketidakpastian melainkan jika masa berlalu sehingga peluang itu tidak dapat dikejar lagi. Apabila diperhalusi, lafaz (أَمْضَىٰ حُقُبًا) membawa maksud (دهرا طويلا)

(في بلوغه ان بعد) iaitu selama bertahun-tahun untuk mencapainya sekalipun jauh (al-Jalalayn t.th). Kalimah *huquba* bermaksud zaman yang panjang dan *al-huqubu* adalah sepanjang 80 tahun dan pada kamus 80 tahun ataupun lebih (Muhyiddin al-Darwish 2020). Maksud yang diinginkan adalah waktu yang tidak terbatas lamanya (al-Zuhaili 2013). Jika diamati perkara ini, ia bukan sekadar ungkapan kosong, malah dengan tekad yang teguh dan melaksanakannya sehingga mencapai tujuannya meskipun tidak mengetahui tempatnya akan bertemu serta jarak dan ujian yang akan dihadapi. Menurut Fauzi Amin (2019), segala perkara yang tidak dapat dijangkakan itu tidak menjadi alasan bagi Nabi Musa AS untuk mengubah niat sucinya dan meninggalkan tujuan murninya. Justeru, sifat yang dimiliki oleh Nabi Musa AS ini wajar diterapkan dan diamalkan dalam kehidupan, khususnya oleh para pelajar yang melalui tempoh pembelajaran yang panjang, bermula dari bangku sekolah rendah dan menengah sehinggalah ke pengajian tinggi di universiti. Keazaman baginda mengajar kita supaya bertekad, berazam dan berusaha bersungguh-sungguh. Pelajar perlu menanam azam yang kukuh dalam menelusuri perjalanan menuntut ilmu. Menurut Doreen Thing (2021), pelajar yang memiliki sikap positif, komitmen tinggi serta wawasan yang jelas berupaya menunjukkan pencapaian akademik yang lebih memberangsangkan. Motivasi ini memainkan peranan penting bagi mereka untuk memperoleh pencapaian yang terbaik dalam akademik.

Sehubungan dengan itu, pengajaran ini sangat signifikan untuk dijadikan panduan, khususnya dalam menangani isu keazaman pelajar untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Pengajaran tersebut turut mendorong motivasi dan aspirasi pelajar untuk mempelajari ilmu pengetahuan sehingga ke peringkat pengajian tinggi (Abdul Hamid et al., 2013). Justeru, memiliki keazaman untuk menuntut ilmu dalam jangka masa yang panjang bukanlah perkara yang mudah. Hal ini selari dengan syair Imam Syafie:

"Saudaraku, kamu sesekali tidak berupaya untuk mencapai ilmu kecuali dengan enam perkara: kecerdasan, keinginan yang tinggi, bersungguh-sungguh, berkemampuan, bersahabat dengan guru dan masa yang panjang (Nur Cahyani 2024).

Elemen-elemen ini membentuk semangat dan keteguhan diri pelajar agar jauh daripada sikap mudah berputus asa dan sifat lemah. Hal ini turut selari dengan doa yang diajarkan oleh Nabi SAW bagi memohon perlindungan daripada sifat negatif yang boleh melemahkan jiwa, sebagaimana dalam hadis:

حَدَّثَنَا خَالِدُ بْنُ مَخْلَدٍ، حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ، قَالَ: حَدَّثَنِي عَمْرُو بْنُ أَبِي عَمْرٍو، قَالَ: سَمِعْتُ أَنَسًا قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ أَهَمِّ وَالْحَزَنِ، وَالْعَجْزِ وَالْكَسَلِ، وَالْجُبْنِ وَالْبُخْلِ، وَضَلَعِ الدِّينِ وَغَلْبَةِ الرِّجَالِ

Maksudnya: “Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepada Engkau dari kedukaan dan kesedihan. Aku berlindung kepada Engkau dari sifat lemah dan malas. Aku berlindung kepada Engkau dari sifat pengecut dan bakhil. Dan aku berlindung kepada Engkau dari bebanan hutang dan penindasan manusia.” [Al-Bukhari (2018), *Sabih al-Bukhari, Kitab al-Da'awat, Bab al-Isti'azah min al-Jubni wa al-Kasal*, No. Hadis 6369, Hadis Sahih]

Justeru, pelajar perlu mempunyai keazaman yang kuat dalam menuntut ilmu. Pengajaran ini dapat diterapkan sebagai jati diri agar pelajar tidak mudah berputus asa, lemah semangat dan jemu dalam menuntut ilmu walaupun tempoh masa yang panjang.

Tawaduk dan rendah diri

Sifat tawaduk dan rendah diri sangat penting untuk disemai dan diterapkan dalam diri pelajar agar mudah memperoleh ilmu daripada guru sekali gus peroleh keberkatan. Perkara ini jelas dibuktikan pada akhlak Nabi Musa AS ketika mana baginda diperintahkan untuk mempelajari ilmu dengan Nabi Khidir AS. Maka, ketika Nabi Musa berjumpa dengan Nabi Khidir, baginda terlebih dahulu meminta izin untuk mengikutinya bagi mempelajari ilmu. Firman Allah:

قَالَ لَهُ مُوسَى هَلْ أَتَّبِعُكَ عَلَىٰ أَنْ تُعَلِّمَني مِمَّا غَلَّمْتَ رُشْدَ ۖ

Maksudnya: Nabi Musa berkata kepadanya: Bolehkah aku mengikutimu, dengan syarat engkau mengajarku dari apa yang telah diajarkan oleh Allah kepadamu, ilmu yang menjadi petunjuk bagiku?” (Al-Quran, Surah al-Kahfi 18:66)

Lafaz “bolehkah aku mengikutimu” mencerminkan kerendahan hati dan tawaduk Nabi Musa AS terhadap Khidir sebagai gurunya yang akan memberi ilmu. Menurut al-Rāzi (1999) dalam *Mafatih al-Ghayb*, Nabi Musa AS walaupun memiliki ilmu yang luas, amal yang banyak, kedudukan yang tinggi, dan kemuliaan yang sempurna dari pelbagai aspek, tetap pergi kepada Khidir untuk menuntut ilmu dan merendah diri kepadanya. Hal ini menunjukkan bahawa sikap tawaddhu’ itu lebih baik daripada *takabbur* iaitu kesombongan. Al-Sawi (t.th) dalam kitabnya, *Hasyiyah al-Sawi ala Tafsir al-Jalalain* menjelaskan lafaz (هَلْ أَتَّبِعُكَ) ialah pertanyaan yang menunjukkan kelembutan untuk menjaga adab kesantunan yang menjadi hak terhadap seorang guru. Hal yang demikian akan diperolehi faedah dan kemuliaan. Ibn Kathir (2021) juga membawakan tafsiran lebih kurang sama iaitu permintaan secara halus, bukan untuk membebani atau memaksa. Demikianlah pertanyaan seorang murid kepada gurunya. Pertanyaan ini merupakan pertanyaan yang penuh kelembutan dan etika. Tidak ada pemaksaan di dalamnya. Demikianlah sebaik-baiknya pertanyaan seorang murid kepada gurunya (al-Zuhaili 2013).

Kerendahan hati ini lebih jelas apabila kita memperingati status Nabi Musa AS itu sendiri. Al-Sawi (t.th) ketika mensyarahkan *Tafsir al-Jalalain* menyatakan dengan maksud berikut:

“Ini adalah jawapan kepada persoalan tentang bagaimana Nabi Musa, yang merupakan salah seorang dari ulul azmi, seorang nabi dan rasul dengan pasti, yang telah mendengar Kalam Allah, menerima Taurat, dan lebih mulia daripada Nabi Khidir, boleh pergi kepadanya dan belajar daripadanya. Jawapannya adalah bahawa peningkatan dalam ilmu itu dituntut. Tambahan pula,

ilmu Nabi Khidir tidak diperlukan oleh Nabi Musa dalam syariatnya, tetapi ia adalah keistimewaan yang khusus diberikan kepada Nabi Khidir, dan Allah memerintahkan Nabi Musa AS untuk mengambilnya (ilmu) daripadanya (Nabi Khidir) serta merahsiakannya. Hal ini adalah untuk melengkapkan semua keistimewaan bagi Nabi Musa, tanpa menunjukkan bahawa Nabi Khidir lebih berilmu daripadanya. Nabi Musa AS adalah sempurna dalam ilmunya dan tidak memerlukan apa-apa dari ilmu Nabi Khidir. Namun, ilmu Nabi Khidir adalah keistimewaan yang Allah kurniakan kepadanya, yang tidak perlu diikuti dalam perkara itu” (Al-Sawi t.th).

Kisah ini mengajarkan kepada umat Islam agar sentiasa menjaga akhlak dan adab dengan guru khususnya buat para pelajar di sekolah mahupun di universiti. Sentiasa merendah diri dan tidak sombong atas apa yang disampaikan oleh guru meskipun telah maklum akan ilmu yang disampaikan itu, namun pastinya tetap memiliki manfaat berlainan dan tambahan maklumat pengetahuan meskipun sedikit.

Selain itu, komunikasi yang diajarkan Nabi Musa AS dalam bentuk pertanyaan dengan lemah lembut, bahkan bukan dalam bentuk arahan apatah lagi perbuatan mengherdik ataupun melawan kata guru. Pengajaran ini sangat perlu dititikberatkan memandangkan akhlak para pelajar kini yang membimbangkan, dada akhbar, kaca televisyen, media sosial kerap kali memaparkan isu ini. Sebagai contoh daripada akhbar Astro Awani (2024) melaporkan bahawa ponteng kelas, bergaduh, merokok, melawan guru, vandalisme dan banyak lagimasalah disiplin yang sering berlaku di sekolah sama ada pada peringkat rendah mahupun menengah. Oleh demikian, pengajaran ini sangat bersesuaian untuk ditanam dalam hati para pelajar supaya membentuk akhlak dan sahsiah yang terpuji sekali gus mencapai kecemerlangan akademik. Sikap pelajar terhadap pembelajaran banyak mempengaruhi kecemerlangan akademik pelajar. Menurut Mohd Sham et. al (2022), sifat tawaduk sangat dituntut dalam proses pembelajaran kerana ia membantu pelajar menjadi individu yang rendah diri dan bersyukur. Dengan sifat tersebut, pelajar lebih mudah menyerap ilmu yang disampaikan serta memperoleh kefahaman yang tepat.

Ikhlas dan taat

Ikhlas dalam menuntut ilmu dan taat perintah Allah untuk mempelajari ilmu daripada Nabi Khidir juga adalah pengajaran yang dapat diambil daripada kisah ini. Perkara ini jelas ketika Nabi Musa AS meminta izin kepada Khidir semata-mata untuk peroleh ilmu. Firman Allah:

قَالَ لَهُ مُوسَىٰ هَلْ أَتَّبِعُكَ عَلَىٰ أَن تُعَلِّمَنِي مِمَّا عُلِّمْتَ رُشْدًا

Maksudnya: Nabi Musa berkata kepadanya: Bolehkah aku mengikutimu, dengan syarat engkau mengajarku dari apa yang telah diajarkan oleh Allah kepadamu, ilmu yang menjadi petunjuk bagiku?” (Al-Quran, Surah al-Kahfi 18:66)

Frasa yang bergaris di atas menunjukkan bahawa Nabi Musa AS ikhlas menuntut ilmu dengan tujuan yang jelas. Bahkan lafaz (أَنْتُعَلِّمَنِي) membawa maksud bahawa Nabi Musa AS tidak mengikuti Khidir melainkan untuk mempelajari ilmu daripadanya semata-mata (Al-Sawi, t.th). Ketaatan Nabi Musa AS terhadap perintah Allah untuk berguru dengan Khidir bukanlah sesuatu yang asing atau janggal, bahkan ia merupakan satu bentuk kebaikan dan adab mulia dalam proses menuntut ilmu, sebagaimana ulasan Ibn Asyur (1984):

Nabi Musa berhasrat untuk mengetahui sebahagian daripada ilmu yang Allah khususkan kepada Nabi Khidir, kerana menambah ilmu yang bermanfaat adalah suatu kebaikan. Allah Ta'ala telah berfirman, memberi pengajaran kepada nabi-Nya: “Dan katakanlah: 'Wahai Tuhanku, tambahkanlah kepadaku ilmu.'”

Perkara ini jelas menunjukkan keikhlasan dan tiada niat lain melainkan untuk memperoleh ilmu daripada Khidir. Justeru, hal ini mendidik para pelajar supaya ikhlas dan memberi tumpuan sepenuhnya dengan memperingati tujuan utama mereka hadir ke sekolah semata-mata untuk menuntut ilmu, bukan untuk bersuka ria, gelak tawa bersama rakan-rakan.

Sabar

Perkara ini jelas apabila Khidir beberapa kali mengingatkan Nabi Musa AS tentang kesabaran. Pengulangan tersebut menunjukkan betapa pentingnya sifat sabar dalam menuntut ilmu serta penekanan khusus terhadapnya. Firman Allah:

قَالَ إِنَّكَ لَنْ تَسْتَطِيعَ مَعِيَ صَبْرًا

Maksudnya: Ia menjawab: “Sesungguhnya engkau (wahai Musa), tidak sekali-kali akan dapat bersabar bersamaku”. (Al-Quran, Surah al-Kahfi 18:67)

Ayat ini merupakan jawapan Khidir setelah Nabi Musa AS menyatakan hasratnya untuk mempelajari ilmu daripadanya. Jika diperhatikan, Nabi Khidir boleh sahaja menekankan tentang perkara lain namun apa yang diketengahkan adalah tentang sabar meskipun baginda telah mengetahui hakikat yang mana Nabi Musa AS tidak akan dapat bersabar, sebagaimana menurut Ibn Kathir (2021), “Sesungguhnya engkau tidak mampu mengikutiku (Khidir) kerana perbuatanku bercanggah dengan syariatmu (Nabi Musa)”. Perkara ini dijelaskan lagi oleh Ibn Asyur (1984):

Dia menegaskan pernyataan “Sesungguhnya kamu sekali-kali tidak akan sanggup sabar bersamaku” dengan huruf "إن" dan "لن" untuk menguatkan kandungan maksudnya iaitu bahawa Nabi Musa AS akan merasa sukar untuk menerima apa yang akan ditunjukkan kepadanya. Hal ini kerana Nabi Khidir tahu bahawa dia akan melakukan tindakan yang secara lahirnya kelihatan salah dan mungkar tetapi hakikatnya benar. Dan kerana Nabi Musa AS adalah salah seorang nabi yang Allah tugaskan untuk melaksanakan hukum berdasarkan apa yang zahir, maka Nabi Khidir mengetahui bahawa Nabi Musa AS akan mengingkari apa yang dilihatnya daripada perbuatan Nabi Khidir, disebabkan perbezaan pendekatan kerana para nabi tidak membenarkan kemungkaran.

Inilah pengajaran yang Allah rakamkan dalam kitab-Nya tentang indahnya sifat sabar itu. Sabar terhadap guru amat penting, meskipun arahan atau tindakan guru kadangkala kelihatan sukar difahami. Hakikatnya, setiap arahan tersebut mempunyai sebab dan hikmah tersendiri yang mungkin belum dapat dicapai oleh murid pada peringkat awal. Namun, dengan kesabaran, pelajar akhirnya akan menyedari manfaat dan kebaikan di sebalik setiap bimbingan itu. Demikianlah Allah berpesan untuk sentiasa bersabar nescaya peroleh pertolongan-Nya. Firman Allah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ۖ اسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ ۚ إِنَّ آءَ مَعَ الصَّابِرِينَ

Maksudnya: Wahai sekalian orang-orang yang beriman! Mintalah pertolongan (untuk menghadapi susah payah dalam menyempurnakan sesuatu perintah Tuhan) dengan bersabar dan dengan (mengerjakan) sembahyang; kerana sesungguhnya Allah menyertai (menolong) orang-orang yang sabar (Al-Quran, Surah al-Baqarah 2:153)

Sabar sangat ditekankan kerana ia menjadi *asbab* pertolongan Allah. Meskipun begitu, perlu ditekankan bahawa Nabi Musa AS bukanlah tidak sabar, akan tetapi Nabi Musa AS tegas dan tidak mengambil ringan dengan perkara mungkar. Maka, inilah sebab Nabi Musa AS menggantungkan perjanjiannya kepada Allah kerana tidak pasti mampu bersabar ataupun sebaliknya.

Kestabilan emosi dan tenaga

Kestabilan emosi dan tenaga adalah pengajaran yang dapat diambil daripada kisah ini. Perkara ini dilihat sepanjang perjalanan dalam menuntut ilmu pengetahuan dan pengalaman. Firman Allah:

وَأَمَّا الْجِدَارُ فَكَانَ لِغُلَامَيْنِ يَتِيمَيْنِ فِي الْمَدِينَةِ وَكَانَ تَحْتَهُ كَنْزٌ لَهُمَا وَكَانَ أَبُوهُمَا صَالِحًا فَأَرَادَ رَبُّكَ أَنْ يَبْلُغَا أَشُدَّهُمَا وَيَسْتَخْرِجَا كَنْزَهُمَا رَحْمَةً مِن رَّبِّكَ ۚ وَمَلَفَعْنَاهُ عَنْ أَمْرِ ۚ ذَلِكَ ۚ وَيْلٌ مَّا لَمْ تَسْطِعْ عَلَيْهِ صَبْرًا ۚ ٨٢

Maksudnya: Adapun tembok itu pula, adalah ia dipunyai oleh dua orang anak yatim di bandar itu; dan di bawahnya ada "harta terpendam" kepunyaan mereka; dan bapa mereka pula adalah orang yang soleh. Maka Tuhanmu menghendaki supaya mereka cukup umur dan dapat mengeluarkan harta mereka yang terpendam itu, sebagai satu rahmat dari Tuhanmu (kepada mereka). Dan (ingatlah) aku tidak melakukannya menurut fikiranku sendiri. Demikianlah penjelasan tentang maksud dan tujuan perkara-perkara yang engkau tidak dapat bersabar mengenainya". (Surah al-Kahfi 18:82)

Menariknya, pengajaran ini dapat diambil daripada kemukjizatan bahasa al-Quran, daripada aspek pengekal sesutu huruf ataupun pembuangan huruf pada lafaz (تسطع) ayat di atas. Menurut Ibn Kathir (2021):

"Apa yang kamu tidak sanggup bersabar terhadapnya" bermaksud: Inilah penjelasan tentang apa yang kamu tidak dapat tahan, dan tidak mampu bersabar sehingga aku memberitahumu terlebih dahulu. Setelah aku menjelaskannya kepadamu, menerangkannya, dan menghilangkan kekeliruan, dikatakan: "Apa yang kamu tidak sanggup (تسطع) bersabar terhadapnya." Sebelum ini, kekeliruan itu sangat kuat dan berat, maka dikatakan: "Aku akan memberitahumu tentang tafsiran apa yang kamu tidak mampu (تستطيع) bersabar terhadapnya". Oleh itu, sesuatu yang lebih berat (dalam konteks) disampaikan dengan kata yang lebih berat, dan sesuatu yang lebih ringan disampaikan dengan kata yang lebih ringan. Sebagaimana firman Allah Ta'ala: "Maka mereka tidak dapat (استطاعوا) mendakinya", iaitu menaiki ke atasnya, kerana itu lebih mudah. Firman-Nya: "Dan mereka tidak mampu (استطاعوا) membuat lubang padanya", kerana itu lebih sukar. Maka setiap perbuatan dipadankan dengan ungkapan yang sesuai dengannya, dari segi lafaz dan makna. Dan Allah lebih mengetahui.

Ringkasnya, huruf ta' dikekalkan bagi menggambarkan perasaan Nabi Musa AS berada dalam kegelisahan dan tekanan yang amat berat setelah menyaksikan tindakan-tindakan Nabi Khidir yang kelihatan mungkar, maka pada ayat 82 huruf ta' dibuang menggambarkan keringanan perasaan Nabi Musa AS, hilangnya kegelisahan dan tekanan perasaan setelah mengetahui sebab-sebab Nabi Khidir AS melakukan perkara-perkara itu. Ia berlaku berdasarkan kesesuaian makna dengan situasi ayat, sesuatu yang berat disebutkan dengan kata yang berat begitulah sebaliknya. Sebagaimana ulasan Zain Mohmood (2022), keadaan ini bukannya berlaku dengan cara kebetulan dan tanpa hikmah dan hakikat di sebalik itu. Sesuatu huruf itu dikekalkan ataupun dibuang daripada sesuatu perkataan kerana mempunyai hikmah tertentu. Oleh demikian, pada konteks ini hikmahnya adalah menggambarkan emosi Nabi Musa AS pada ketika itu.

Justeru, pengajaran yang dapat diambil daripada kisah ini adalah kepentingan penjagaan emosi yang stabil. Tekanan emosi dalam pembelajaran sangat rapat dengan realiti masa kini sebagaimana kajian Wafi Ramli (2020), faktor tekanan emosi tertinggi dalam kalangan pelajar ialah sukar memahami perkara yang dibincangkan dalam kelas oleh guru dan mereka tidak dapat memberi tumpuan yang baik sewaktu sesi pembelajaran. Keadaan ini boleh menyebabkan prestasi akademik pelajar menjadi lemah. Oleh itu, pelajar perlu mengawal kestabilan emosi supaya lebih mudah memahami pengajaran yang dibincangkan dalam kelas justeru mencapai kecemerlangan akademik.

Selain itu, menjaga kestabilan tenaga juga perkara yang diterapkan daripada Nabi Musa AS sewaktu perjalanannya. Nabi Musa AS juga keletihan dan berehat sementara sewaktu perjalanannya menunggu sampai ke destinasi yang dituju bersama pembantunya dalam masa yang sama berhajat kepada suatu makanan. Perkara ini dirakamkan pada ayat 62 dan 63 Surah al-Kahfi, firman Allah:

فَلَمَّا جَاوَزَا قَالَ لِفَتَاهُ إِنِّي جَدًّا لَّكَ لَقِينَا مِنْ سَفَرٍ هَذَا نَصَبٌ ۖ ٦٢ قَالَ أَرَأَيْتَ إِذْ لَوَيْنَا إِلَى الصَّخْرَةِ فَإِنِّي نَسِيتُ الْخُبْرَ وَمَا أُنْسِيهِ إِلَّا الشَّيْطَانُ أَنْ أَذْكُرَهُ ۚ وَاتَّخَذَ سَبِيلَهُ فِي الْبَحْرِ عَجَبٌ ۝١

Maksudnya: Setelah mereka melampaui (tempat itu), berkatalah Nabi Musa kepada temannya: “Bawalah makan tengah hari kita sebenarnya kita telah mengalami penat lelah dalam perjalanan kita ini.” Temannya berkata: “Tahukah apa yang telah terjadi ketika kita berehat di batu besar itu? Sebenarnya aku lupakan hal ikan itu; dan tiadalah yang menyebabkan aku lupa daripada menyebutkan halnya kepadamu melainkan syaitan; dan ikan itu telah menggeluncur menempuh jalannya di laut, dengan cara yang menakjubkan.”

Lafaz yang bergaris menunjukkan bahawa Nabi Musa berehat di batu besar dan berhajat kepada makanan untuk peroleh tenaga. Kerehatan menjadi aspek penting bagi seseorang pelajar dalam mencapai kecemerlangan. Ia diperoleh daripada kualiti tidur seseorang pelajar kerana terdapat perhubungan antara kualiti tidur dan kecemerlangan akademik. Menurut Nasiruddin Akur Ali (2022), kualiti tidur adalah penting dalam memastikan kesihatan fungsi minda. Terdapat banyak kajian yang menunjukkan kepentingan kualiti tidur ke atas prestasi akademik. Begitu juga tentang mendapatkan makanan dan zat yang cukup untuk peroleh tenaga untuk menuntut ilmu. Menurut Ainul Husna at. el (2022), amalan pemakanan memainkan peranan penting dalam kehidupan pelajar terutamanya dalam membantu proses pembelajaran serta mempengaruhi perkembangan fizikal dan mental seseorang pelajar. Pengambilan makanan yang tidak teratur menyebabkan pelajar tidak dapat fokus dan memberi kesan negatif kepada pembelajaran.

KESIMPULAN

Keenam-enam aspek pengajaran yang dikenal pasti dalam kajian ini saling berkait rapat antara satu sama lain. Nilai hijrah dalam menuntut ilmu, keazaman yang teguh, keikhlasan dan ketaatan, sifat sabar, tawaduk, serta kestabilan emosi dan tenaga merupakan rangkaian elemen yang perlu diamalkan secara menyeluruh tanpa mengabaikan mana-mana bahagiannya. Penghayatan dan pengaplikasiannya secara serentak diyakini dapat membantu mencapai objektif pembentukan sahsiah dan jati diri pelajar secara lebih berkesan. Kajian ini dapat memberikan sumbangan kepada masyarakat untuk memahami, menghayati, dan mengamalkan pengajaran Surah al-Kahfi bukan sekadar sebagai bacaan mingguan, tetapi sebagai panduan hidup yang diterjemahkan dalam akhlak, tingkah laku, dan keperibadian pelajar dalam usaha mencapai kecemerlangan akademik dan kokurikulum.

Kajian ini memfokuskan aspek sahsiah pelajar berasaskan kisah Nabi Musa AS ini. Oleh itu, kajian lanjutan wajar dilakukan dengan memberi tumpuan kepada motivasi dan ketabahan guru melalui sorotan terhadap Kisah Nabi Nuh AS, khususnya berkaitan cabaran profesion perguruan masa kini. Penyelidikan lanjutan berpotensi meneliti elemen-elemen seperti kesabaran, istiqamah, komunikasi berkesan, strategi dakwah dan pendidikan, serta pengurusan emosi sebagaimana yang ditampilkan dalam perjuangan Nabi Nuh AS. Kajian tersebut juga berpotensi membangunkan modul motivasi guru berasaskan nilai keteguhan, keikhlasan, dan ketabahan Nabi Nuh AS yang relevan dengan cabaran kontemporari dalam bidang pendidikan.

PENGHARGAAN

Makalah ini adalah sebahagian daripada projek penyelidikan di peringkat Sarjana Pengajian Islam (Program al-Quran dan al-Sunnah), Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

SUMBANGAN PENGARANG

Konsepsi, reka bentuk, Azizi & Wan Nasyrudin; Pengumpulan data, Azizi; Analisis data dan perbincangan, Azizi & Wan Nasyrudin; penyuntingan, Azizi. Semua pengarang telah membaca dan bersetuju menerima versi manuskrip yang diterbitkan.

KONFLIK KEPENTINGAN

Tiada sebarang konflik kepentingan (kewangan, peribadi atau profesional) yang boleh mempengaruhi penulisan dan penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN ETIKA

Kajian ini tidak melibatkan subjek manusia atau haiwan. Semua data yang digunakan diperoleh daripada sumber yang boleh diakses secara umum dan tidak mengandungi sebarang maklumat peribadi yang boleh dikenal pasti. Oleh itu, kelulusan etika tidak diperlukan.

PERNYATAAN TEKS YANG DIHASILKAN OLEH KECERDASAN BUATAN (AI)

Tiada alat Kecerdasan Buatan (AI) digunakan untuk menghasilkan kandungan asal, menjalankan analisis, atau menggantikan mana-mana bahagian sumbangan intelektual penyelidik.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Sumbangan asal yang dibentangkan dalam kajian ini telah disertakan dalam artikel/bahan tambahan. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada penulis koresponden.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

- Abdullah, A., Mesir, B., & Mohamad, A. M. (2006). Faktor-faktor yang menyumbang kepada kecemerlangan akademik pelajar di Universiti Teknologi Malaysia. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 5(1), 1–6.
- Ainul, A. H. A. H., Shafie @ Mohd Alias, N. N., & Yusof, K. (2022). Impak amalan pemakanan pelajar Kolej Komuniti terhadap pembelajaran. *Proceeding International Conference on Indigenous Studies and Teaching* (pp.1-11). IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan.
- Al-Alūsī, Shihāb al-Dīn M. H. (1994). *Rūḥ al-Ma'ānī fī Tafsīr al-Qur'an al-'Azīm wa al-Sab' al-Mathānī* (Vol. 8; A. A. al-Bārī 'Aṭīyyah, Ed.). Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Bengtsson, M. (2016). How to plan and perform a qualitative study using content analysis. *NursingPlus Open*, 2, 8-14. <https://doi.org/10.1016/j.npls.2016.01.001>
- Al-Bukhari, M. I. (2018). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Vol. 1). Jam'īyyah al-Miknāz al-Islāmī.
- Embong, W. A. M., & Wan Salam, W. N. (2024). Masalah disiplin pelajar: Kembalikan kuasa autokratik kepada sekolah. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com>
- Ibn 'Asyūr, M. T. (1984). *Al-Taḥrīr wa al-Tanwīr* (Vol. 15). Al-Dār al-Tūnisīyyah.
- Ibn Hibbān, M.H. (1976). *Al-Majrūḥīn min al-Muḥaddithīn wa al-Du'afā'* (M. I. Zāid, Ed.). Dār al-Waṭ'.
- Ibn Kathīr, I. (2021). *Tafsīr al-Qur'an al-'Azīm* (Vol. 3; 2nd ed.). Dār Ibn Kathīr.
- Knopf, J. W. (2006). Doing a Literature Review. *PS Political Science & Politics*, 39(1), 127–132. <https://doi.org/10.1017/s1049096506060264>
- Mohd Sham, K., Maimun Aqsha, L., Syahrul Ghani, Z. A., Mohd Azhar, A., & Ikwan, L. (2022). Memupuk sifat tawaduk melalui pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dalam kalangan pelajar pintar di Malaysia. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 5(1), 1–6.
- Mohmood, M. Z. (2022). *Keunikan dan keindahan bahasa al-Quran*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhyiddin al-Darwisy. (2020). *I'rab al-Qur'an al-Karīm wa Bayānuhu* (Vol. 4; 13th ed.). Dār Ibn Kathīr.
- al-Muqbil, U.'A. (2014). *Līyadatadabburī āyātih: Ḥiṣṣad 'am min al-tadabbur (al-Majmū'ah al-rabī'ah)*. Markaz Tadabbur li al-Dirāsāt wa al-Istishārāt.
- Ramli, M. W., & Sheikh Dawood, S. R. (2020). Faktor tekanan dalam kalangan pelajar Universiti Sains Malaysia: Satu tinjauan awal. *Journal of Social Science and Humanities*, 17(7), 66–76.
- Al-Rāzī, F.D. (1999). *Mafātīḥ al-Ghayb* (Vol. 21). Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.
- Al-Sa'dī, A.R. N. (2000). *Taysīr al-Karīm al-Raḥmān fī Tafsīr Kalām al-Mannān*. Mu'assasah al-Risālah.
- Al-Sāwī, A. S. (n.d.). *Ḥāshiyah al-Sāwī 'alā al-Jalālayn* (Vol. 2). Dār Iḥyā' al-Kutub al-'Ilmiyyah al-Ḥalabī.
- Al-Shawkani, M.A. (1989). *Fath al-Qadir al-Jamī' bayn Fann al-Riwayah wa al-Dirayah min 'Ilm al-Tafsīr*. Dar al-Ma'rifah.

- Ting, D. J. C., & Surat, S. (2021). Sorotan literatur bersistematik: Faktor-faktor mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(12), 137–157. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i12.1210>
- Al-Zuhayli, W. (2013). *Tafsir al-Munir* (A. H. al-Kattani, Trans.). Gema Insani.
- Wahid, N., Hamsa, H., & St. Fauziah, F. (2024). Imam Syafi'i dan syairnya *Lan Tanāl al-Ilma Illā Bi Sittah*: Kajian analisis unsur-unsur sastra. *Al-Syama'il: Jurnal Bahasa dan Sastra Arab*, 1(1).